

# Dedah kepalsuan pembangkang: PM

BM - 4 AUG 1991

(1)  
KUALA LUMPUR: Parti komponen Barisan Nasional (BN) mesti mendedahkan pembongkaran pembangkang secara habis-habisan, di samping tidak harus terperangkap dengan cuba menjadi juara dalam isu ciptaan parti lawan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri mengingatkan, jika anggota BN yang terperangkap, mereka pula tidak akan dipercayai kerana rakyat sudah bosan dan tidak percaya lagi kepada parti pembangkang.

"Adalah penting kita dalam BN mendedahkan kepalsuan dan kepura-puraan yang ada dalam gabungan DAP-Semangat 46-Pas.

"Kerjasama pembangkang adalah palsu dan penuh kepura-puraan. Tujuan mereka hanyalah untuk mendapatkan kuasa," katanya ketika merasmikan Persidangan Perwakilan Tahunan Ke-20 Gerakan, di sini, semalam.

Perdana Menteri berkata, DAP sanggup bekerjasama dengan Semangat 46 dan Pas

kerana DAP sedar mereka memerlukan sokongan orang Melayu untuk memenuhi cita-cita membentuk kerajaan.

Katanya, Semangat 46 pula sanggup bekerjasama dengan DAP, parti yang suatu ketika dahulu sangat dibenci dan dikecam hebat oleh pemimpin Semangat 46, hanya kerana ingin melihat Umno hancur.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, DAP pula mustahil boleh bekerjasama dengan Pas kerana pendirian mereka jauh berbeza mengenai penubuhan kerajaan Islam ala-Pas.

"Kita pun tahu seorang pemimpin DAP pernah menyatakan bahawa kerajaan Islam akan didirikan hanya setelah melangkah mayatnya. Jelaslah, antara pemimpin parti lawan, tidak wujud kerjasama," katanya.

Perdana Menteri bimbang jika pembangkang ditakdirkan memerintah Malaysia, rakyat akan menderita dan negara akan hancur kerana mereka akan bertelingkah di antara satu sama lain.

"Hari ini, ramai anggota Se-

mangat 46, bahkan Pas, yang sudah sedar dan meninggalkan parti mereka atau hilang semangat untuk bergerak lagi. Dalam pilihanraya kecil Dewan Undangan Negeri Prai pula, kita lihat penyokong kuat DAP sudah berpaling tadah," katanya.

Menurutnya, rakyat semakin sedar bahawa apa yang diperjuangkan oleh pemimpin parti lawan ialah untuk mendapat kuasa bagi diri mereka sendiri.

Beliau berkata, tuduhan parti lawan bahawa kerajaan tidak bertanggungjawab dan tidak adil sudah menjadi satu tabiat pembangkang.

"Walaupun penyiasatan dibuat oleh tokoh yang memihak kepada mereka dan penyiasatan menunjukkan tuduhan mereka tidak benar, mereka akan terus mengulangi tuduhan yang sama," katanya.

Menurut Datuk Seri Dr Mahathir, parti pembangkang hanya akan menghentikan tuduhan mereka apabila orang yang dituduh menjadi rakan mereka.